

Pengid dan Tomboi Menurut Perspektif Islam dan Perspektif Undang-Undang Jenayah Syariah

Siti Nazihah binti A.Hanni @ Zalanni*
Hajah Masnooraini binti Haji Mohiddin*

Abstrak

Istilah *pengid* dan *tomboi* adalah merujuk kepada golongan wanita yang berperwatakan dan berkelakuan seperti lelaki. Kajian ini akan membincangkan isu golongan *tomboi* dan *pengid* dari perspektif Islam dan Perundangan Jenayah Syariah. Seterusnya, kajian ini akan cuba menganalisis peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan golongan *tomboi* dan *pengid* di dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013. Untuk mencapai objektif, kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif yang merangkumi kaedah temubual dan perpustakaan untuk mendapatkan maklumat yang mendalam dan menyeluruh. Hasil kajian menunjukkan bahawa, dari segi Akta perundangan, tiada terdapat peruntukan yang khusus bagi golongan ini, menambahkan kesukaran pihak berkuasa untuk mengambil tindakan dari segi perundangan. Sungguhpun demikian, Perundangan Syariah telah menyediakan peruntukan undang-undang yang lebih luas berbanding Perundangan Sivil bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan perlakuan luar *tabie'*. Justeru, dicadangkan untuk membuat pengemaskinian undang-undang yang sedia ada dan

* Pelajar Sarjana Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Emel: nazihahhanni@gmail.com.

* Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Emel: masnooraini.mohiddin@unissa.edu.bn.

penguatkuasaannya. Pihak penguatkuasa perlu bertindak lebih progresif dalam menguatkuasakan undang-undang jenayah Islam demi membanteras dan mengawal gejala *tomboy* dan *pengkid*. Kajian ini diharap akan memberi sumbangan pengetahuan dan menjadi panduan kepada pihak-pihak berkepentingan dalam melaksanakan undang-undang jenayah Syariah, di samping menjadi panduan kepada penyelidikan pengamal perundungan pada masa akan datang.

Kata kunci: *tomboy, pengkid, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.*

Abstract

The terms pengkid and tomboy refer to women with masculine appearance and behaving like men. This study aims to discuss the issue made by tomboy and pengkid in Islamic perspective and in term of Islamic Criminal Law. Subsequently, this study will attempt to analyze the provisions relating to tomboy and pengkid found in the Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013. In order to achieve the study's objectives, this study will use qualitative methods which includes in-depth interviews, library-based method, to obtain comprehensive and thorough information. Finding shown that, in terms of the legally legislative Act, there is no specific provision for this group, increases the difficulties of the authorities to take legal action. Nonetheless, Shariah Law provides for a broader legal provision than civil law for offenses involving unnatural offenses. Therefore, it is proposed to update existing laws and their enforcement. The

authorities need to be more progressive in enforcing Islamic criminal law to curb and control the misconducts of tomboy and pengkid. It is hoped that this study will contribute knowledge and guidance to certain parties in the implementation of Shariah Criminal Law, as well as a guide to future legal practitioner research.

Keywords: *tomboy, pengkid, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.*

Pendahuluan

Perhubungan sesama jenis sudah lama berlaku di Barat malah ia kini semakin kritikal apabila hubungan ini sudah diperakui oleh undang-undang². Masyarakat Islam tidak terkecuali sedang berdepan dengan cabaran ini untuk memperkasa serta mempraktikkan Islam di kalangan umat Islam.

Perhubungan sesama jenis merupakan masalah keceluaran seks apabila memiliki kecenderungan untuk melakukan

² Menurut laporan tahunan yang diterbitkan oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia PBB (*Office of United Nations High Commissioner for Human Rights, OHCHR*) iaitu laporan pertama yang membincangkan hak asasi golongan *LGBT* ini (United Nations Office for the High Commissioner for Human Right (OHCHR), 2011). Menurut laporan PBB ini secara spesifik, perenggan 5 mentafsirkan ‘*LGBT*’ sebagai, “tingkah laku seksual, identiti atau hubungan dan identiti jantina yang bukan binari”. Laporan PBB secara jelas memperakui hak asasi golongan *LGBT*. Golongan *LGBT* juga dikenali sebagai *Lesbian, Gay, Bisexual* dan *Transgender*.

hubungan intim dengan kaum sejenis iaitu perempuan dengan perempuan dan lelaki bersama lelaki. Budaya yang mengamalkan perhubungan sesama jenis jelas sekali bertentangan dengan fitrah asal manusia. Pengaruh budaya Barat juga antara faktor penularan budaya perhubungan sesama jenis³. Penularan budaya ini boleh menyebabkan kemunculan golongan seperti *tomboi* dan *pengkid* dalam kalangan generasi muda.

Istilah *Pengkid* dan *Tomboi* adalah merujuk kepada golongan wanita yang berperawatakan dan berkelakuan seperti lelaki. *Pengkid* adalah bahasa slanga yang digunakan oleh golongan *lesbian*. *Pengkid* menjalinkan hubungan dengan wanita dan mereka akan memainkan peranan sebagai seorang lelaki. Mereka bercinta dan ada yang melampaui batas sehingga melakukan hubungan seks⁴. Istilah *tomboi* dan *pengkid* dalam penggunaannya mempunyai sedikit perbezaan; menurut Kamus Dewan memberi takrifan *tomboi* sebagai anak perempuan yang berkelakuan kelaki-lakian (suka memakai pakaian lelaki, lasak dan sebagainya)⁵.

Golongan ini cuba menonjolkan identiti gender berlawanan dengan norma biologi, moral, dan sosial kewanitaan yang

³ Adibah Abdul Rahim, et.al. (2017). Persepsi Masyarakat Terhadap *Pengkid* di Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences*, 6(1), Hlm: 91-104.

⁴ Iskandar, Tengku. (2015). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁵ *Ibid.*

mereka miliki⁶. Ciri-ciri fizikal *pengid* dapat dirumuskan secara umum berdasarkan pergaulan dan perwatakan termasuk berpakaian, antaranya mempunyai potongan rambut seperti lelaki, mempunyai rupa paras maskulin, berjalan, bercakap dan bergaya seperti lelaki. Terdapat satu pandangan mengatakan gejala perempuan menyerupai lelaki mungkin ada hubung kaitnya dengan ‘*genetic disorder*’. Kajian saintifik yang dijalankan oleh Berenbaum menyokong kenyataan bahawa kanak-kanak perempuan yang menghidap *Congenital Adrenal Hyperplasia* (CAH) telah menunjukkan ‘*sex-atypical preferences*’ iaitu lebih keinginan terhadap aktiviti kelakian dan cabang kerjaya maskulin⁷. Kecenderungan terhadap aktiviti keperempuanan dan cabang kerjaya feminin juga menurun. Senario penyerupaan perempuan menjadi lelaki adalah satu isu yang diambil perhatian kerana amalan ini jelas boleh menggugat masyarakat Islam dan mengcam negara Islam seperti Negara Brunei Darussalam yang dikenali sebagai sebuah Negara Zikir⁸.

⁶ Adibah Abdul Rahim, et.al. (2017). Persepsi Masyarakat Terhadap *Pengid* di Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences*, 6(1), Hlm: 91-104.

⁷ Berenbaum SA. (1999). *Effects of Early Androgens on Sex-Typed Activities and Interests in Adolescents with Congenital Adrenal Hyperplasia*. *Hormones and Behavior*, 35(1): 102-10. <http://dx.doi.org/10.1006/hbeh.1998.1503>

⁸ Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam, memberikan takrif “Negara Zikir” seperti berikut:

“Negara di mana ramai orang -orang berzikir, negara, yang sentiasa meriah dan kaya dengan zikir; negara, yang dibangun dan ditadbir

Scenario yang wujud apabila seorang perempuan mengubah penampilannya dari segi perwatakan, pergaulan dan tarikan yang menyukai pasangan sesama jenis. Sekiranya, mereka melakukan perbuatan seperti berkesedudukan ataupun bersunyian antara keduanya dan melakukan perkara seperti perbuatan yang dilakukan antara lelaki dengan perempuan iaitu perbuatan *khalwat*⁹, maka perbuatan mereka itu adalah salah dan dianggap tidak sopan dari aspek syarak dan perundangan. Ini kerana pasangan yang tertarik sesama jenis atau menyukai sesama jenis tidak mustahil akan melakukan perbuatan-perbuatan yang membawa kepada perbuatan *zina*, dan agama Islam telah melarang perkara-perkara yang membawa kepada perzinaan. Pihak berkuasa Bahagian Penguatkuasa Agama Brunei mendedahkan mereka telah berdepan dengan pelbagai kerena dan cabaran tersendiri apabila mendapati pesalah *pengkid* berkesedudukan di satu

dengan zikir; negara, yang dipertahanan dan dipelihara dengan zikir. ‘Negara Zikir’ adalah negara yang berorientasi dan berpaksikan zikir: siasahnya siasah zikir, ekonominya ekonomi sikir, sosialnya sosial zikir, dan pertahanannya pertahanan zikir.” Lihat “Negara Zikir: Azam, Keperluan dan Perlaksanaan”, himpunan Kertas Kerja Seminar Negara Zikir, Majlis Ilmu 2008, Bandar Seri Begawan: Jabatan Perdana Menteri, Hlm. 3-20. Lihat juga Pengiran Anak Haji Amiruddin Alam Shah Pengiran Anak Haji Ismail, et al. *Ensiklopedia Negara Zikir*. Jilid I: Pengenalan. Gadong: UNISSA Press. Hlm. 240.

⁹ *Khalwat* menurut PKHJS, 2013 di dalam Bab 196 (3) memberikan maksud (a) bersekediaman, bersekedudukan, berkursting; atau (b) mengasingkan diri dalam keadaan berhampiran yang mendatangkan syak bahawa sedang melakukan perbuatan maksiat, di antara seorang lelaki dan seorang perempuan atau lebih yang bukan isterinya atau mahramnya, atau di antara seorang perempuan dan seorang lelaki atau lebih yang bukan suaminya atau mahramnya.

tempat apabila serbuan dilakukan, setelah di soal siasat, pesalah sering kali tidak mengaku dan menyatakan mereka hanya duduk berbual-bual¹⁰.

Isu penangkapan *tomboi* dan *pengkid* yang mengamalkan *lesbianisme* sering dipersoalkan terutama apabila mereka bersekedudukan dengan kaum sejenis dalam suatu tempat yang sunyi dan tiada pengakuan dibuat atau saksi yang menyaksikan kesalahan mereka¹¹. Istilah ‘*khalwat*’ mungkin tidak dapat digunakan memandangkan mereka adalah sama jantina. Ini kerana, pasangan tersebut hendaklah dikenal pasti terlebih dahulu, akan tetapi apabila berlakunya krisis gender seperti ini amat sukar untuk mengenal pasti pasangan dan sukar untuk membuktikan kesalahan mereka bagi memenuhi maksud peruntukan yang sedia ada.

Perlakuan *pengkid* dan *tomboi* ini mengancam umat Islam dan negara umat Islam secara keseluruhannya. Dalam masyarakat hari ini, golongan tersebut harus mengambil iktibar daripada perihal golongan homoseksual yang diceritakan dalam al-Qur'an¹². Seandainya perbuatan terkutuk demikian masih terus diamalkan tidak mustahil masyarakat hari ini ditimpa bencana yang sama terjadi

¹⁰ Norasiah binti Haji Amai, Zaleha binti Haji Abu Salim. (2016). *Tomboi dan Pengkid dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013: satu tinjauan awal*.

¹¹ *Ibid.*

¹² Kisah kaum *Luth* yang telah ditimpa azab Allah SWT, sepertimana dinyatakan di dalam surah Hud ayat 82.

terhadap sejarah kaum terdahulu¹³. Oleh yang demikian, mereka perlu kembali kepada hukum dan syariat Allah dengan merujuk al-Qur'an dan al-Sunnah¹⁴. Sabda Rasulullah SAW daripada Ibn Abbas r.a berkata: "Sesungguhnya aku telah meninggalkan pada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sama sekali sesat selama kamu berpegang kepada keduanya; kitab Allah dan Sunnah nabiNya".¹⁵ (Riwayat al-Imam al-Hakim)

Dalam konteks sistem perundangan Brunei Darussalam, negara ini mengamalkan undang-undang Inggeris (*Common Law*) dan undang-undang Islam. Brunei telah mengisyiharkan untuk memperkenalkan undang-undang *hudud* secara berperingkat pada tahun 2012. Penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam secara sistematik adalah sangat perlu bagi mengawal amalan budaya *tomboi* dan *pengkid*, hukuman melalui mekanisme perundangan wajar dilihat sebagai satu kaedah pencegahan daripada melakukan sesuatu kesalahan dan pembalasan selepas melakukannya¹⁶.

¹³ Adibah Abdul Rahim, et.al. (2015). *Pengkid: Pengenalan, Punca dan Penyelesaian*. Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

¹⁴ *Ibid*

¹⁵ أخرجه الحاكم. باب بلاغات مالك ومرساته. رقم الحديث: ٣٢. انظر إلى: يوسف بن عبد الله بن محمد بن عبد البر التمري الأندلسي أبو عمر. (١٤٤١هـ - ١٩٩١م). *التمهيد لما في الموطأ من المعاني والأسانيد* (ط. الأوقاف المغربية). مجموعة من المحققين (المحقق). ج ٢٤. د.ن: د.ن. ص ٣٣١.

¹⁶ Nurjaya, I.Nyoman. (2005). Reorientasi Tujuan dan Peranan Undang-Undang Dalam Masyarakat Multi Budaya: Perspektif Antropologi Undang-Undang. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*. Hlm. 95-106.

Adapun antara usaha Negara Brunei Darussalam adalah dengan mengenalkan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013¹⁷ iaitu sistem keadilan jenayah perundangan Islam sesuai dengan konsep negara iaitu ‘Melayu Islam Beraja’ dan ‘Negara Zikir’¹⁸.

Oleh itu, kajian ini akan memberikan pengertian perlakuan tidak sopan golongan *tomboi* dan *pengkid* menurut perspektif Islam dan perundangan jenayah Islam. Di samping itu, kajian ini akan cuba menganalisis peruntukan-peruntukan yang ada kaitan dengan golongan *tomboi* dan *pengkid* yang terdapat di dalam PKHJS, 2013. Kajian ini akan menggunakan metodologi kualitatif yang merangkumi kaedah temubual (*interview*), perpustakaan dan temubual (*interview*) untuk mendapatkan maklumat yang mendalam dan menyeluruh. Dalam kaedah temubual, pengkaji akan melakukan ‘*face-to face*’ atau bersua muka secara terus menerus dengan pegawai-pegawai yang terlibat langsung untuk mendapat maklumat.

¹⁷ Selepas ini akan digunakan PKHJS, 2013.

¹⁸ Hajah Hayati binti Haji Mohd Salleh. (2014). *The enforcement of The Syariah Penal Code Order, 2013 For Phase One*. Special Lecture in Conjunction with The Declaration Ceremony of The Enforcement of The Syariah Penal Code Order, 2013, International Convention Centre, Berakas, 30 April. Diperolehi daripada:
<http://www.agc.gov.bn/AGC%20Images/downloads/speech/english.pdf>
pada 29 April 2019.

Sorotan Literatur

Berdasarkan penulisan-penulisan berbentuk kajian disertasi berkenaan tajuk kajian, belum ada penyelidikan yang dibuat sebelum ini yang membincangkan secara komprehensif mengenai kesalahan perbuatan *tomboi* dan *pengkid* di kalangan masyarakat Brunei. Namun begitu, terdapat beberapa kajian berkait rapat dengan tajuk kajian.

Kajian berkaitan golongan *tomboi* dan *pengkid*:

Penulisan Hajah Siti Zaliha binti Haji Abu Salim dan Norasiah binti Haji Amai dalam artikel bertajuk: “*Tomboi* dan *Pengkid* dalam PKHJS, 2013: Satu Tinjauan Awal”¹⁹, telah mengeluarkan definisi *pengkid* dan *tomboi* menurut perspektif Islam dan telah menyertakan hukumnya berdasarkan fatwa mufti Negara Brunei Darussalam. Penulisan ini turut membincangkan secara ringkas mengenai beberapa peruntukan undang-undang yang terdapat di dalam PKHJS, 2013. Manakala penulisan Dr Adibah Abdul Rahim, Dr Mariam Adawiah Dzulkifli, Dr Rohaiza Rokis dalam buku bertajuk “*Pengkid*: Pengenalan, punca dan penyelesaian”²⁰ mengemukakan maksud *pengkid* menurut pandangan Islam dan mengenal pasti ciri-ciri golongan tersebut, termasuklah menfokuskan faktor-faktor penularan gejala *pengkid*, dan pengamalan agama *pengkid* menurut

¹⁹ Zaleha, & Norasiah. (2016). *Tomboi* dan *Pengkid* Dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, PKHJS 2013: Satu Tinjauan Awal. Brunei: Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

²⁰ Adibah binti Abdul Rahim, et.al. (2015). *Pengkid*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia: Reka Cetak Sdn. Bhd.

persepsi masyarakat Malaysia. Dalam penulisan beliau juga ada menyebutkan satu peruntukan undang-undang yang melarang perlakuan golongan ini. Sementara itu, penulisan Zhooriyati Sehu Mohd & Intan Hashimah Mohd Hashim dalam jurnal yang bertajuk “Hubungan interpersonal golongan *pengkid* di Malaysia”²¹ membincangkan mengenai hubungan interpersonal golongan *pengkid*, termasuklah hubungan mereka dengan sesama jenis. Penulisan beliau turut mengemukakan kedudukan dan identiti sebenar seorang *pengkid* di dalam masyarakat Islam. Walau bagaimanapun, penulisan beliau tidak menyentuh mengenai peruntukan undang-undang di Malaysia yang berkaitan dengan mana-mana peruntukan tatasusila. Oleh itu, penulisan artikel ini akan membincangkan maksud *tomboi* dan *pengkid* menurut perspektif Islam dan kedudukannya menurut perspektif undang-undang jenayah Islam di Brunei, dengan menganalisis peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan golongan ini di dalam PKHJS, 2013.

²¹ Zhooriyati sehu Mohd, Intan Hashimah, Mohd Hashim. (2015). Hubungan Interpersonal Golongan 'Pengkid' Di Malaysia. *Jurnal pembangunan sosial*. Jilid 18. Malaysia: Universiti Sains Malaysia.

Pengertian istilah *Tomboi* dan *Pengkid*

Pengkid dedefinisikan sebagai sinonim bagi seorang melayu yang beragama Islam tempatan yang kelihatan maskulin²². *Pengkid* juga adalah seorang wanita yang mempunyai rupa, sikap dan orientasi seksual sama seperti lelaki dilihat sebagai penyakit sosial dan telah menimbulkan banyak masalah²³.

Istilah *tomboi* berasal dari Bahasa Inggris *yang memberikan* memberi maksud lebih kurang maksudnya “seorang perempuan yang berperwatakan lelaki dan menyukai kekasaran”²⁴. *Tomboi* juga bermaksud “seorang gadis yang berkelakuan yang pada kebiasaanya seperti lelaki”²⁵. Manakala, Kamus Dewan memberi takrifan *tomboi* sebagai anak perempuan yang berkelakuan kelaki-lakian (suka memakai pakaian lelaki, lasak dan sebagainya), dengan kata

²² Yuenmei wong. (2012). Islam, sexuality and the Marginal Positioning of Pengkid and Their Girlfriends in Malaysia. *Journal of Lesbian Studies*, 16(4):435-48 DOI: [10.1080/10894160.2012.681267](https://doi.org/10.1080/10894160.2012.681267) Hlm. 435-448. “The transgender or transsexual group include those who are called pengkid, a localized synonym for a masculine-looking Malay-Muslim”

²³ Nora Hendon Faeizah binti Rusdie Ali Faedidz. (2011). *Unfolding the Lesbianism Orientation Development Amongst Selected Pengkid Malays*. Tesis Ph.D. Malaysia: Universiti Putra Malaysia (UPM). “Pengkid, a Malaysian slang to describe women who have the appearance, mannerism and sexual orientation similar to men has been seen as a social ill and has raised many issues”

²⁴ “a girl who acts or dresses in a boyish way, liking rough outdoor activities”

²⁵ “a girl who behaves in a manner usually considered boyish”, diperolehi daripada:

<https://www.merriam-webster.com/dictionary/tomboy#h1>; pada 7 Oktober 2019.

lain, *tomboi* adalah wanita yang mempunyai perwatakan lelaki²⁶.

Setelah dinyatakan definisi *tomboi* dan *pengid* dapat disimpulkan bahawa *tomboi* dan *pengid* mempunyai sedikit perbezaan dari segi pakaian dan perwatakan.

Adapun perbezaan di antara *tomboi* dan *pengid* dapat dilihat seperti jadual di bawah:

Jadual 1: Perbezaan di antara *tomboi* dan *pengid*.

	<i>Tomboi</i>	<i>Pengid</i>
Perwatakan	Wanita yang berperwatakan seperti seorang lelaki.	Wanita yang beridentitikan lelaki.
Ciri-ciri	<ul style="list-style-type: none">Berkelakuan kelakilakian (suka memakai pakaian lelaki, lasak dan sebagainya)Mempunyai kelakuan yang ganas.	Potongan rambut seperti lelaki, mempunyai rupa paras maskulin, berjalan, bercakap dan bergaya seperti lelaki.
Tarikan	Tidak menjalinkan hubungan dengan wanita akan tetapi mempunyai tarikan terhadap lelaki.	Menjalinkan hubungan dengan wanita dan mereka akan memainkan peranan sebagai seorang lelaki

²⁶ Kamus Dewan. (4th ed.). (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dari Sudut Fiqh Islam

Dari perspektif Islam, golongan *pengkid* dan *tomboi* menentang fitrah kejadian Allah kerana perbuatan mereka adalah bersikap tidak normal. Sedangkan dari segi syara' dan ajaran Islam telah ditetapkan tabiat lelaki dan tabiat perempuan. Jika ada lelaki berlagak seperti perempuan dan perempuan berlagak seperti lelaki, maka perbuatan sedemikian dianggap tidak normal dan menentang fitrah.

Tomboi dan *pengkid* dalam Fiqh Islam, istilah yang digunakan menurut pentafsiran para ulama daripada rujukan klasik adalah berbeza dengan gelaran yang digunakan pada masa ini. Bagi menggambarkan *tomboi* dan *pengkid*, para ulama telah menggunakan *mutarajjalat* (متراجلات), *mutasyabbihat* (متشبهات) dan *musahaqah* (مساحقة). *Lesbian* di dalam pandangan ulama Fiqh dinamakan *Musahaqah*, iaitu perlakuan seks seorang wanita terhadap wanita yang lain sama seperti yang dilakukan oleh lelaki ketika bersetubuh dengan wanita²⁷. Ibnu Qudamah dalam Kitab Mughni berpendapat, jika bergesel²⁸ dua wanita maka kedua-duanya melakukan *zina* berdasarkan apa diriwayatkan daripada Nabi yang bersabda bermaksud, “Apabila seorang wanita mendatangi (menyetubuhi)

²⁷ Kementerian Wakaf Kuwait. (1990). *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*. Jil. 24. Mesir: Dar Safwah. Hlm. 251.

²⁸ Maksud bergesel dalam konteks ulama fiqh, perbuatan bergesel antara perempuan dengan perempuan, jika sampai perbuatan mereka itu menggeselkan kemaluan sehingga mendatangkan berahi maka ini adalah yang dinamakan *musahaqah*.

*seorang wanita maka keduanya berzina*²⁹. Golongan *musahaqah* lebih dikenali dengan *lesbian*, ia merupakan satu bentuk hubungan yang dijalankan secara sejenis iaitu di antara wanita dengan wanita. Para *fuqaha* sepakat mengatakan bahawa perbuatan *musahaqah*³⁰ ini adalah haram³¹. Antara dalil pengharamannya adalah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Mu'minun ayat 5-6 yang berbunyi:

﴿ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ
أَوْ مَا مَلَكُتُ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴾

Maksudnya: “*Dan mereka yang menjaga kehormatannya kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela*”

²⁹ al-Syaukani. (1982). *Nail al-Autar Sharh al- Muntaqal al-akhbar*. Cairo: Matb'ah Mustafa al-Halabi.

³⁰ ‘*Musahaqah*’ bermakna perbuatan seksual antara perempuan dan sejenisnya. Di dalam bahasa Arab disebut sebagai *إثيان المرأة* “*المرأة*”. *Musahaqah* juga dikenali dengan perkataan *lesbian*. Lihat Kementerian Wakaf Kuwait. (1990). *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*. Jil. 24. Mesir: Dar Safwah. Hlm. 251.

³¹ Kementerian Wakaf Kuwait. (1990). *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*. Jilid. 24. Mesir: Dar Safwah. Hlm. 251.

Para fuqaha dari golongan Hanafiyah³², Malikiyyah³³, Syafi'iyyah³⁴ dan Hanabilah³⁵ bersepakat bahawa *sihq* termasuk di dalam kategori perbuatan *zina* yang tidak dihukum secara *hadd*³⁶. Ini kerana hukuman bagi jenayah persetubuhan sesama perempuan adalah berlainan dengan hukuman bagi jenayah *liwat*. *Sihaq* juga dikategorikan sebagai perbuatan *zina*, yang tidak dikenakan hukuman *hadd zina* sepetimana yang dikenakan ke atas pelaku jenayah *liwat*. Ini kerana *hadd zina* hanya khusus dikenakan ke atas pasangan yang melakukan *jima'* sama ada melalui faraj atau dubur, sedangkan persetubuhan sesama jenis dalam perlakuan *sihq* tidak melibatkan sebarang *jima'*³⁷ atau tidak berlaku kemasukan atau ‘*penetration*’.

³² Fakhr al-Din al-Zaila'i. (1313H). *Tabyin al-Haqiq Sharh Kanz al-Daqiq wa Hashiah al-Shilbi*. Kaherah: al-Matba'ah al-Kubra al-'Amirah. Jilid.3. Hlm.180.

³³ al-Dusuqi. (t.t). *al-Sharh al-Kabir li al-Shaykh al-Dardir Wa Hashiyah al-Dusuqi*. t.tp: Dar al-Fikr. Jil.4. hlm.316.

³⁴ al-Saharbini, Muhammad al-Khatib. (t.t). *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Fikr. Jilid.4. Hlm.144.

³⁵ Ibn al-Qudamah. (t.t). *al-Mughni wa al-Sharh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al- 'Islamiyah. Jil.10. Hlm.162.

³⁶ “*hadd*” sepetimana dalam Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 bermakna sesuatu hukuman jenayah atau siksaan yang telah ditetapkan oleh Al-Quran atau Sunnah Rasullullah Sallallahu Alaihi Wassalam.

³⁷ *Jima'* dalam bahasa Arab, kata *jima'* bererti hubungan seksual atau bersetubuh. Kata *jima'* disebut juga dengan *al-wath'u* seperti yang ditulis dalam kitab *mu'jam lughat al-fuqaha* iaitu memasukkan zakar ke dalam *farji*. Para ulama usul fiqh selalu mengaikkan kata *al-wath'u* atau *jima'* dalam konteks nikah. Manakala, dalam perlakuan *sihq*, *ilaj* tidak berlaku kerana pelaku *sihq* yakni perempuan tidak memiliki zakar.

Disebabkan ketiadaan berlaku *ilaj*³⁸ dalam persetubuhan *sihad* ini, maka perbuatan seorang perempuan melakukan persetubuhan sesama jenis dengan perempuan yang lain tidak dikenakan hadd *zina*, sebaliknya hukuman *ta'zir* wajib dijatuhi sebagai pengajaran kepada mereka.

Apa yang membezakan antara *musahaqah* dan *zina* adalah dalam *musahaqah* tidak berlaku *ilaj* iaitu kemasukan zakar ke dalam faraj wanita³⁹. Pada asasnya, *musahaqah* dari sudut bahasa bererti menggosok atau menggesel (*al-sahaq wa al-tadaluk*)⁴⁰. Namun dari segi istilahnya ia bererti wanita yang menyebutuh wanita lain⁴¹. Perbuatan ini jelas haram berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah Al Mu'minun: 5-7:

﴿ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَنْفُطُونَ إِلَّا عَلَىٰ أَرْوَاحِهِمْ
أَوْ مَا مَلَكُوتُ أَيْتَنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ فَمَنِ ابْتَغَى
وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴾

³⁸ Maksud “*ilaj*” di sini ialah memasukkan seluruh hasyafah (kepala zakar) atau kadarnya, walaupun dengan memakai *ha'il* (lapik), ke dalam qubul atau dubur sekira-kira dengannya, wajib mandi junub.

³⁹ Kementerian Wakaf Kuwait. (1990). *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*. Jil. 24. Mesir: Dar Safwah. Hlm. 19.

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ Audah. (1980). *Tasyri' al-Jina'i al-Islami*. Juz 1. Beirut: Dar al-katib al-Arabi.

Maksudnya: “*Dan orang-orang yang menjaga kemaluannya, kecuali terhadap istri-istri mereka atau budak yang mereka miliki; maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tiada tercela. Barang siapa mencari yang di balik itu, maka mereka itulah orang-orang yang melampaui batas.*”

Menerusi ayat ini, mana-mana wanita yang menghalalkan kemaluannya kepada selain suaminya sama ada lelaki maupun wanita, maka dia termasuk dalam golongan yang melampaui batas. Para ulama mengatakan perbuatan ***musahaqah*** adalah sama dengan perbuatan ***mubasyarah*** (hubungan badan) antara lelaki dan perempuan yang tidak melibatkan kemasukan zakar ke dalam faraj⁴². Oleh yang demikian ia dikenakan hukuman *ta’zir* bukan *hudud*⁴³.

Pengharamannya adalah kerana ia merupakan perbuatan bersedap-sedapan (*istimta’*) dengan cara yang diharamkan.

Manakala, *Mutarajjalat* adalah apabila wanita-wanita yang menyerupai laki-laki dalam cara berpakaian⁴⁴. Menurut Ibnu Baththal, Rasulullah SAW melaknat mereka disebabkan

⁴² al-Imrani al-Yamani, Abu Hussin Yahya. (2000). *al-Bayan fi mazhab al-Imam al-Syafie*. Jilid 12. Qasim Muhammad an-Nuri. Dar al-minhaj. Hlm. 369.

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ أبو لباب الطاهريين. (١٤٢٥ هـ - ٢٠٠٤ م). *محاضرات في الحديث التحليلي*. دار الغرب الإسلامي. ص ٢٤٣.

oleh kaum lelaki yang mengikut kecenderungan mereka itu dan berhias seperti kaum perempuan, dan melaknat kaum perempuan tulen yang sengaja menyerupai lelaki⁴⁵.

Golongan *transgender*⁴⁶ dilaknat oleh Nabi SAW sama ada lelaki yang menyerupai wanita atau sebaliknya. Dalam hal ini, ia merujuk kepada golongan lelaki yang menyerupai wanita dari pelbagai sudut, golongan ini mengalami kecelaruan emosi yang menyebabkan kecenderungan mereka kepada penampilan jantina yang bertentangan dengannya, sehingga menonjolkan seseorang lelaki itu sebagai wanita, bukan lagi lelaki. Golongan ini dikenali sebagai istilah *maknyah* atau *pondan*⁴⁷. Manakala golongan wanita berdasarkan pemerhatian, percakapan dan pergaulan

⁴⁵ al-Bakri al-Qurtubi, Abu al-Hasan Ali bin Khalaf bin Abdil Malik bin Baththal. (2003). *Syarhu Sahih al-Bukhari li Ibni al-Baththal*. Riyadh: Maktabah al- Rusyd. Jilid. 9. Hlm. 141-142.

⁴⁶ *Transgender* adalah istilah untuk menunjukkan keinginan tampil berlawanan dengan jelas kelamin yang dimiliki. Seorang transgender boleh saja mempunyai identiti sosial heterosexual, bisexual, gay, atau bahkan asexual. Golongan ini jelas tidak menjadikan jenis kelaminnya suatu masalah dan tidak mahu mengubah alat kelaminnya melalui pembedahan. Justeru seseorang yang berjenis kelamin lelaki, mempunyai orientasi heterosexual, tetapi ingin selalu berhias atau berpenampilan sebagai wanita, maka dia boleh disebut sebagai seorang transgender.

⁴⁷ Nurul Syahira Mohamed. Fadlan Mohd Othman, Latifah Abd Majid. (2019). Gejala Mak Nyah: Sorotan Awal Kajian Dari Sudut Perspektif Islam. *BITARA International Journal of Civilisation Studies and Human Sciences*, 2(3): 59-69.

boleh dirumuskan ciri-ciri fizikal secara umumnya menyerupai lelaki dikenali sebagai *tomboi* atau *pengkid*⁴⁸.

Hukum perbuatan mengubah perwatakan ini dari segi Syarak, Imam Al-Tabari menyatakan, makna (لَعْنِ رَسُولِ اللَّهِ) (عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) iaitu:

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمُتَشَبِّهِينَ iaitu: tidak harus bagi lelaki untuk menyerupai wanita dari aspek pakaian dan perhiasan yang dikhatusukan untuk wanita dan sebaliknya⁴⁹. Manakala Ibn Hajar menambah, demikian juga pada percakapan dan ketika berjalan (pergerakan). Bentuk atau jenis pakaian adalah berbeza mengikut adat dan budaya pada setiap negeri atau wilayah. Kadang kala pada suatu tempat itu, tidak terdapat perbezaan yang ketara dari sudut pemakaian antara lelaki dan wanita, cuma dibezakan dengan kaum wanita yang membezakan antara lelaki dan wanita adalah berhijab atau bertudung dan menutup kepala. Sesiapa yang sengaja meniru gaya bercakap dan berjalan (opposite sex: jantina⁵⁰ yang berlawanan), akan dilaknat dan dihukumkan berdosa di sisi Tuhan jika ia masih tidak berusaha untuk berubah ke jalan yang betul⁵¹.

⁴⁸ Adibah binti Abdul Rahim, et.al. (2015). *Pengkid*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia: Reka Cetak Sdn. Bhd.

⁴⁹ al-Asqalani, al-Hafiz Ahmad bin Ali bin Hajar. (2001). *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Imam Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari*. Jilid.10. al-Hamad, Abd al-Qadir Shaybah (muhaqqiq). Saudi: Maktabah al-Malik Fahad al-Wataniyyah. Hlm. 345.

⁵⁰ Jantina merujuk kepada perbezaan antara lelaki dan wanita dari aspek biologi yang meliputi; kromosom, hormon, alat kelamin dan sebagainya.

⁵¹ al-Asqalani, al-Hafiz Ahmad bin Ali bin Hajar. (2001). *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Imam Abi 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-*

Sheikh Abu Muhammad bin Abi Hamzah berkata: “zahir lafaz hadith tersebut merupakan tegahan daripada menyerupai dalam apa jua keadaan, namun yang sering dan diketahui adalah menyerupai pada pakaian, sebahagian perwatakan, pergerakan dan sebagainya tetapi tidak ada penyerupaan pada perkara yang baik”⁵².

Golongan *pengkid* harus dibezakan daripada golongan *khunsa* yang diiktiraf oleh Islam. Pengiktirafan ini menunjukkan Islam memandang golongan *khunsa* sebagai manusia normal tetapi ditetapkan beberapa aspek seperti di dalam aspek ibadah. Contohnya, penetapan posisi solat untuk golongan *khunsa* sudah ditetapkan oleh jumhur ‘ulama iaitu berada di saf ketiga selepas dewasa dan kanak-kanak lelaki. Saf di belakang golongan *khunsa* adalah wanita⁵³.

Khunsa bermaksud secara istilah adalah seseorang yang mempunyai dua kelamin; kelamin laki-laki dan kelamin perempuan, atau orang yang tidak mempunyai salah satu dari dua alat vital tersebut, tetapi ada lubang untuk keluar air

Bukhari. Jilid.10. al-Hamad, Abd al-Qadir Shaybah (muhaqqiq). Saudi: Maktabah al-Malik Fahad al-Wataniyyah. Hlm. 345.

⁵² *Ibid*. Hlm.345.

⁵³ Adibah Abd Rahim, et.al. (2017). Persepsi Masyarakat Terhadap Pengkid Di Malaysia. *Journal of Advanced Research In Social and Behavioral Sciences* 2462-1951. Malaysia: International Islamic University Malaysia (IIUM).

kencing⁵⁴. Justeru, golongan *pengkid* sepatutnya tidak angkuh melawan ketetapan Allah SWT dengan menonjolkan perwatakan yang berlawanan dengan ciri-ciri kewanitaan dan menampilkan penampilan yang bertentangan dengan sifat-sifat semulajadi ataupun menyerupai *tasyabbuh*⁵⁵ jantina yang berlawanan dengan jantina asal mereka. Setiap individu mempunyai kuasa memilih (*freedom of choice*) dan dikurniakan akal fikiran di samping panduan ajaran agama yang jelas untuk memilih dengan betul. Secara psikologi, tabiat buruk seseorang boleh dihentikan sekiranya dia mempunyai daya keinginan yang tinggi untuk berubah dan memilih untuk tidak meneruskan tabiat buruk tersebut.⁵⁶

Dari segi hukumannya dalam Islam pula, para ulama telah sepakat bahawa hukuman bagi pelaku *sihq* adalah *ta'zir* kerana ia adalah maksiat⁵⁷, pemerintah yang memiliki kuasa untuk menentukan hukuman yang paling tepat, sehingga dapat memberikan kesan terhadap pelaku perbuatan haram

⁵⁴ al-Fayumi. (2013). *al-Misbah al-Munir*. Cairo: Dar al-Hadith. Hlm.112.

⁵⁵ *Tasyabbuh* yang dilarang dalam Al-Quran dan As-sunnah secara syarie' adalah menyerupai orang-orang kafir dalam segala bentuk dan sifatnya, baik dalam aqidah, peribadatan, kebudayaan atau dalam pola tingkah laku yang menunjukkan ciri khas mereka (kaum lelaki).

⁵⁶ Adibah Abdul Rahim, et.al. (2015). *Pengkid: Pengenalan, Punca dan Penyelesaian*. Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

⁵⁷ Kementerian Wakaf Kuwait. (1990). *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*. Jilid. 24. Mesir: Dar Safwah. Hlm. 252.

ini. Ibnu Qayyim berkata dalam *Al-Jawab Al-Kafi*⁵⁸ seperti berikut:

"ولكن لا يجب الحد بذلك لعدم الإيلاج، وإن أطلق
عليهما اسم الزنا العام"

Maksudnya: "*Akan tetapi, tidaklah wajib padanya (iaitu dalam perbuatan lesbian) hukuman bunuh kerana tidak adanya ilajj (jimak) walaupun disematkan kepada keduanya (homo dan lesbian) nama zina secara umum*".

Hukuman *ta'zir* tidak sampai membunuh pelakunya, antara contoh hukuman *ta'zir* ialah sebat⁵⁹, penjara⁶⁰, denda dan

⁵⁸ الجوزية، ابن القيم. (د.ت). **الجواب الكافي لمن سأله عن الدواء الشافي** (الداء والدواء). الجزء ١ . بيروت: دار الكتب العلمية. ص ١٢٤ .

⁵⁹ Bagi hukuman sebat, terdapat banyak pendapat dalam menentukan jumlah sebatan yang patut dikenakan terhadap pelakunya. Ada yang mengatakan jumlah yang berasas ialah 75 sebatan dan ada juga yang berpendapat jumlah yang ideal ialah sebanyak 99 sebatan. Walau bagaimanapun, ada pendapat yang menetapkan 39 sebatan manakala ada pula berpendapat sebatan tidak dibenarkan melebihi 20 sebatan.

⁶⁰ Hukuman penjara terbahagi kepada dua iaitu penjara bagi tempoh tetap dan tempoh tidak tetap. Bagi tempoh tetap, digunakan hanya pada kesalahan-kesalahan kecil, manakala tempoh tidak tetap ianya akan diaplifikasi mengikut kriteria seperti pandangan hakim dan akhlak pelaku tidak boleh dipulihkan hanya dengan hukuman biasa. Tambahan itu,

merampas harta benda⁶¹ dan juga ancaman⁶². Hukuman *ta’zir* tidak sebagaimana rejam bagi *pezina* laki-laki dan perempuan. Sungguh demikian, perbuatan *lesbian* adalah termasuk perbuatan keji. Ia adalah bentuk *zina* yang dilaknat oleh Allah. Ia disamakan dengan *liwat*, iaitu *zina* yang pernah dilakukan kaum Nabi *Luth*.

Hadith daripada Ibn ‘Abbas r.a berkata:

"لعن النبي صلى الله عليه وسلم المختتين من الرجال
والمرجلات من النساء وقال أخرجوهم من بيوتكم
وأخرج فلانا وأخرج عمر فلانا"

Maksudnya: "Nabi SAW mengutuk (melaknat) lelaki yang bersifat kewanitaan dan wanita yang bersifat kelakian, dengan sabdanya: "Keluarlah mereka daripada rumah-rumah kamu." Ibn Abbas menambahkan lagi: "Maka Nabi SAW telah

semua mazhab undang-undang Islam menegahkan bahawa hukuman penjara boleh dilanjutkan sehingga pelaku bertaubat ataupun sehingga mati berdasarkan keseriusan kesalahan yang dilakukan.

⁶¹ Bagi hukuman denda dan merampas harta benda, hukuman ini mempunyai pandangan berbeza, iaitu hukuman denda dan merampas harta adalah tidak sah disisi undang-undang. Pandangan lain berpendapat hukuman tersebut sah sekiranya pelaku tidak bertaubat.

⁶² Hukuman ancaman boleh dilakukan dengan mengancam pelaku dengan hukuman jika sekiranya dia mengulangi kesalahan yang sama, akan tetapi perlaksanaan hukuman tersebut hanya akan dijalankan sehinggan pelaku melakukan satu lagi kesalahan.

*mengeluarkan si fulan, dan Umar juga telah
mengeluarkan si fulan”⁶³*

Hadith ini menunjukkan tindakan dan hukuman yang telah dilakukan oleh Nabi SAW, menetapkan bahawa tindakan yang boleh dilakukan terhadap golongan ini adalah dengan mengeluarkan mereka daripada rumah-rumah orang Islam. Bahkan, dikukuhkan lagi dengan tindakan Umar al-Khattab yang telah mengeluarkan salah seorang daripada golongan ini⁶⁴.

Kesimpulannya, dalam konteks perspektif syarak, *pengkid* dan *tomboi* adalah perbuatan yang sangat dilarang dan diharamkan berdasarkan beberapa hadith yang telah dinyatakan. Istilah bagi *tomboi* dan *pengkid* tidak terdapat dan tidak digunakan di dalam syarak melainkan golongan ini lebih dikenali sebagai istilah “*sihaq*” atau “*musahaqah*”, “*mutarajjalat*” dan “*tasyabbuh*”. Golongan *tomboi* dan *pengkid* berlainan dengan *khunsa* yang mana golongan

⁶³ Hadith riwayat al-Bukhari dalam sahihnya [kitab al-Libas (pakaian), Bab Menghalau Keluar Lelaki Yang Menyerupai Wanita Dari Rumah {، إخراج المتشبهين بالنساء من البيوت}، no.hadith 5436], dan [kitab al-Hudud, Bab menafikan orang yang melakukan maksiat dan menyerupai wanita نفي {، إهل المعا�ي والمختفين، no. hadith 6331}], serta riwayat Ahmad dalam musnadnya [Musnad Bani Hashim, Bidayah Musnad ‘Abd Allah bin ‘Abbas r.a., no. hadith 1878].

⁶⁴ العيني، العلامة بدر الدين أبي محمد محمد. (١٤٢١هـ - ٢٠٠١م). *عمدة القاري* شرح صحيح البخاري. ج ٢٢. ط ١. بيروت: دارالكتب. ص ٦٥.

khunsa lebih diiktiraf oleh Islam. Larangan dalam agama Islam daripada Rasullullah SAW terhadap golongan ini sangat keras dan umat Islam sebagai umatnya perlu mengambil perhatian terhadap masalah ini. Bahagian seterusnya, akan mengupas istilah *tomboi* dan *pengkid* yang digunakan dalam perundangan Brunei Darussalam. Namun demikian, ia adalah merupakan masalah yang semakin berleluasa pada masa ini yang perlu diambil perhatian dan perlu dibendung sebelum berleluasa. Fenomena seperti ini boleh menggugat kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai negara Islam dan sebagai negara yang mengamalkan undang-undang jenayah Islam.

Dari Sudut Undang-Undang Brunei

Bahagian ini akan menghuraikan serta menjelaskan mengenai kedudukan *tomboi* dan *pengkid* di dalam perundangan Brunei. Dalam konteks sejarah perundangan Negara Brunei Darussalam, sebelum datangnya Inggeris, undang-undang yang dilaksanakan di Brunei ialah undang-undang Islam yang telah dikanunkan dengan Hukum Kanun Brunei. Namun dengan perjanjian 1906, perlaksanaan undang-undang ini mula terhakis dan Inggris mendapat kekuasaan yang luas untuk campur tangan dalam urusan pentadbiran keadilan dan kehakiman, masalah negara dan pemerintahan kecuali dalam perkara-perkara agama Islam⁶⁵. Seterusnya, Mahkamah Syariah Brunei yang dahulunya

⁶⁵ Mahmud Saedon, A.Othman. (1995). *Ke Arah Mengemaskinikan Mahkamah Syariah di Brunei Darussalam*. Kertas Kerja Seminar Sistem Kehakiman Syara'. Negara Brunei Darussalam.

dinamakan Mahkamah Kadi hanya dibenarkan melaksanakan undang-undang Islam yang berkaitan dengan perkara-perkara kahwin, cerai, dan ibadat (khusus) saja. Sedangkan masalah yang berkaitan dengan jenayah diserahkan kepada undang-undang Inggris yang berdasarkan *Common Law*.⁶⁶

Sungguhpun demikian, tiada peruntukan yang terdapat di dalam perundangan sebelumnya iaitu di dalam akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah Kadi, (Penggal 77) yang memperuntukkan kesalahan perbuatan golongan *tomboi* dan *pengkid* melainkan hanya terdapat kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengannya di dalam PKHJS, 2013. Adapun dengan memperkenalkan undang-undang jenayah Syariah merupakan antara usaha di dalam pemerintahan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang menginginkan Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang melaksanakan undang-undang jenayah Islam.

Langkah yang diambil oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sultan Brunei yang ke-29 yang memerintah Brunei sehingga kini telah meneruskan cita-cita ayahandanya iaitu untuk menjadikan Brunei sebagai negara yang mengamalkan Islam sebagai cara hidup. Perkara ini banyak Baginda sentuh di dalam titah-titah dalam majlis keberangkatan Baginda. Menurut pentadbiran kerajaan Brunei, baginda adalah juga

⁶⁶ Siti Zaliha binti Abu Salim. (2006). *Sistem Kehakiman Islam*. Gadong: IPISOAS, UBD. Hlm. 62.

sebagai perdana menteri yang membuat dasar dan hala tuju pentadbiran Negara⁶⁷.

Dengan kewujudan PKHJS, 2013 bidangkuasa Mahkamah Syariah semakin luas yang kini dapat membicarakan kesalahan-kesalahan yang merangkumi di bawah hukuman *hudud*, *qisas* dan *ta’azir*. Di samping itu, sistem perundangan civil tetap digunakan mengikut bidangkuasa masing-masing⁶⁸. Walau bagaimanapun, dalam konteks sistem perundangan civil, penggunaan istilah *Homosexual*, *tomboy* dan *pengkid* adalah tidak digunakan dan tidak diterima pakai secara meluas, melainkan kesalahan yang terdapat di dalam Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22), iaitu kesalahan yang ada kaitan dengan perlakuan homoseksual, *unnatural offences*⁶⁹; iaitu melakukan persetubuhan secara suka rela yang bertentangan dengan aturan *tabie’* sama ada melalui mulut atau dubur⁷⁰.

⁶⁷ *Perlembagaan Negara Brunei Darussalam*, perkara 4(1A) pindaan 2004.

⁶⁸ Lihat titah pemakaian sistem perundangan dualisme: Titah di Majlis Perasmian Seminar Antarabangsa Perundangan Islam pada tahun 1432 Hijrah/2011 Masihi, pada 12 Oktober 2011 bertempat di Pusat Persidangan Pertahanan Antarabangsa (BRIDEX), Titah Mesyuarat Majlis Ugama Islam Brunei Pada 10 Oktober 2011 dan Titah sempena hari keputeraan Baginda yang ke 66 tahun pada 15 Julai 2012.

⁶⁹ “Whoever voluntarily has carnal intercourse against the order of nature with any man, woman, or animal, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to 10 years, and shall also be liable to fine.” [S 12/97]. Lihat Akta Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22), Seksyen 377 mengenai “unnatural offences”. Lihat <http://www.agc.gov.bn/AGC%20Images/LOB/pdf/Cap22.pdf>

⁷⁰ Peruntukan ini telah menjelaskan bagi sesiapa yang secara suka rela telah melakukan hubungan seksual secara tidak semula jadi melalui

Sementara itu, penggunaan *lesbian (sihaq)* diterima pakai secara meluas di dalam PKHJS, 2013. Manakala, penggunaan istilah *tomboi* dan *pengkid* adalah tidak digunakan di dalam PKHJS, 2013. Istilah penggunaan *lesbian (sihaq)* dan *musahaqah* seperti mana termaktub di dalam PKHJS, 2013:

- i. Perkara bagi Bab 92⁷¹ ceraian (1) berhubung dengan kesalahan yang berlaku antara pasangan yang sesama jenis iaitu bagi seorang perempuan dengan seorang perempuan yang berugama Islam yang melakukan kesalahan tersebut. Di dalam Bab ini, menekankan *sihaq* ataupun *musahaqah* yang berugama Islam akan dikenakan hukuman seperti yang telah termaktub di dalamnya adalah merujuk kepada golongan *lesbian*.
- ii. Perkara bagi Bab 92 ceraian (2) berhubung dengan kesalahan yang berlaku antara pasangan sesama jenis iaitu bagi seorang perempuan beragama Islam dengan seorang perempuan yang bukan beragama Islam.
- iii. Perkara bagi Bab 92 ceraian (3) telah memberikan maksud ataupun makna bagi istilah

mulut atau dubur (oral or anal), dengan mana-mana lelaki, perempuan atau haiwan adalah menjadi kesalahan, akan dihukum dengan pemerjaraan selama tempoh yang boleh sampai hingga 10 tahun dan juga akan dikenakan denda (*fine*).

⁷¹ Lihat PKHJS, 2013 di bawah Bab 92 iaitu *musahaqah*.

“*musahaqah*” yang digunakan di dalam Mahkamah Syariah Brunei. Dalam Bab ini, istilah *sihad* dan *musahaqah* merujuk kepada *lesbian* sepertimana yang telah termaktub di dalamnya;

“92(3) Dalam Bab ini, “*musahaqah*” bermakna *apa-apa kegiatan fizikal antara perempuan dengan perempuan yang akan terjumlah kepada perbuatan seksual jika ia dilakukan antara seorang lelaki dan seorang perempuan, selain kemasukan.”*

Manakala jika dikaitkan secara umum bagi kesalahan yang berlaku di antara pasangan yang sesama jenis selain seorang wanita dengan seorang wanita, iaitu antara seorang lelaki dengan seorang lelaki juga ada termaktub di bawah kesalahan *Liwat* di dalam Bab (82)⁷² seperti mana di bawah:

- i. Perkara bagi Bab 82(2) yang berhubung dengan kesalahan yang berlaku antara pasangan sesama jenis di antara seorang lelaki dengan lelaki ataupun seorang perempuan yang bukan isterinya secara luar *tabie’*.

Peruntukan-Peruntukan yang ada hubungkait dengan kesalahan golongan *tomboi* dan *pengkid* di dalam PKHJS, 2013

Keperluan undang-undang dalam pembentukan masyarakat kerana pensyariatan atau perundangan merupakan nilai kekuatan yang utama bagi sesebuah masyarakat untuk

⁷² Lihat PKHJS, 2013 di bawah Bab 82 iaitu *Liwat*.

menghukum sesiapa yang melanggar peraturan undang-undang⁷³.

Tiada perundangan yang khusus bagi kesalahan *tomboi* dan *pengkid*, bahkan dalam mana-mana akta Brunei tiada memberikan definisi bagi istilah *tomboi* dan *pengkid*. Oleh yang demikian, bahagian ini akan meneliti kepada beberapa peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengannya iaitu Peruntukan Perbuatan Tidak Sopan, Peruntukan Lelaki berlagak menyerupai perempuan atau sebaliknya dan Peruntukan *Musahaqah* sepertimana yang terdapat di dalam PKHJS, 2013, serta elemen-elemen yang terdapat di dalamnya akan dihuraikan dan dibincangkan bagi tujuan membuktikan kesalahan yang dilakukan oleh golongan *tomboi* dan *pengkid*, di samping merujuk kepada kes-kes yang terdapat di dalam perundangan.

Peruntukan perbuatan tidak sopan

Peruntukan perbuatan tidak sopan adalah termasuk di dalam bahagian IV iaitu dalam bahagian kesalahan-kesalahan, yang mana di bawah penggal IV Kesalahan-Kesalahan Am. Peruntukan dalam bahagian ini, adalah kesalahan bagi pelaku yang melakukan perbuatan tidak sopan, sepertimana terdapat di dalam PKHJS, 2013 yang diperuntukkan di

⁷³ Yusuf al-Qardhawi. (2012). *Ciri-Ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*. Mohammad Zaini Yahaya (Terj.). Penerbitan Seribu Dinar. Hlm. 105.

bawah Bab 197. Peruntukan dalam Bab ini bagi Bab 197(1) berkaitan orang yang melakukan perbuatan tidak sopan di mana-mana tempat awam dan Bab 197(2) berkaitan orang yang menganjurkan, mendorong atau menggalakkan orang lain untuk melakukan perbuatan tidak sopan adalah melakukan kesalahan.

Perkataan bagi perbuatan tidak sopan telah diuraikan sebagai suatu perbuatan itu hendaklah disifatkan sebagai tidak sopan jika perbuatan itu boleh menjelaskan imej ugama Islam, merosakkan akhlak, mendatangkan pengaruh buruk atau kemarahan kepada orang yang mungkin menyaksikan perbuatan tersebut.⁷⁴

Bab 197 (1) menyatakan seperti berikut:

“197(1) Mana-mana orang yang melakukan perbuatan tidak sopan di mana-mana tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.”

Bab 197 (2) menyatakan seperti berikut:

“197(2) Mana-mana orang yang menganjurkan, mendorong atau menggalakkan orang lain untuk melakukan apa-apa perbuatan tidak sopan adalah melakukan

⁷⁴ Lihat huraian di bawah Bab 197 di dalam PKHJS, 2013 mengenai ‘Perbuatan Tidak Sopan’.

suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.”

Bab 197(1) adalah mengenai larangan melakukan perbuatan tidak sopan ditujukan kepada mana-mana orang yang melakukan perbuatan tersebut di tempat awam. Manakala ceraian (2), ditujukan kepada yang menganjurkan, mendorong dan menggalakkan orang lain, dalam keadaan ini, seseorang individu iaitu pihak ketiga. Disebabkan dorongan pihak ketiga itu berlakunya perbuatan tidak sopan. Oleh itu dalam keadaan ini, disebabkan dorongan orang ketiga tersebut telah terjadinya perlakuan tidak sopan di tempat awam ke atas satu pasangan, maka pesalah akan disabitkan dengan kesalahan perbuatan tidak sopan dan dijatuhkan hukuman ke atasnya menurut konteks undang-undang perbuatan tidak sopan yang telah dinyatakan.

Elemen peruntukan Bab 197 (1)⁷⁵ bagi kesalahan melakukan perbuatan tidak sopan, 1) melakukan perbuatan tidak sopan dan 2) melakukan perbuatan itu di tempat awam⁷⁶. Manakala

⁷⁵ Diperolehi daripada Polisi Pendakwaan Kesalahan-Kesalahan Am di Bahagian Pendakwa Syarie.

⁷⁶ “Tempat awam” jika merujuk kepada Interpretation and general caluses Act (Chapter 4), “Public Place” includes every public highway, street, road, square, court, alley, lane, bridleway, footway, parade, wharf, jetty, quay, bridge, public garden, or open space, and every theatre, place of public entertainment of any kind or other place of

peruntukan Bab 197 (2) bagi kesalahan Menganjurkan, Mendorong atau Menggalakkan Perbuatan Tidak Sopan, elemen-elemen yang dapat dinyatakan seperti berikut:

1. (a) Perbuatan menganjur dan mengadakan, mengesyorkan, mengemukakan, menyarankan, mencadang-cadangkan.
(b) Perbuatan mendorong/menggalakkan.
2. Orang lain.

Merujuk kepadauraian istilah perbuatan tidak sopan menunjukkan bahawa suatu perbuatan itu disifatkan tidak sopan jika ianya bertentangan dengan hukum syarak⁷⁷, termasuklah perbuatan yang merosakkan akhlak. Oleh itu, apa-apa perbuatan yang melanggar syarak yang mempunyai unsur-unsur menjelaskan imej ugama Islam adalah termasuk di dalam maksuduraian istilah di atas. Sebagai contoh kes *Pendakwa Syar'ie v. Hafeezah binti Haji Mahadi*⁷⁸ yang telah melakukan perbuatan tidak sopan dengan menyertai pertandingan kategori “*Women's bikini short category*”, tertuduh telah mengenakan pakaian jenis “bikini” (pakaian yang terdiri daripada *coli* baju dalam dan seluar dalam) sambil memperagakan tubuh badannya di atas pentas di

general resort, admission to which is obtained by payment, or to which the public have access.

⁷⁷ Maksud “perbuatan yang bertentangan syarak” ialah suatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan bertentangan dengan ajaran Islam yang diamalkan oleh masyarakat Islam.

Manakala, “Hukum Syara” menurut perintah keterangan Mahkamah Syariah. 2001 bermakna hukum-hukum menurut mana-mana mazhab yang sah pada pendapat mahkamah.

⁷⁸ Bil. Kes Mahkamah Syariah: BM/MRS/JEN-G/J143A/105/110-2018

khalayak ramai. Perbuatan perempuan tertuduh tersebut adalah disifatkan sebagai perbuatan yang tidak sopan kerana perempuan tertuduh memakai pakaian jenis “bikini”, memperlihatkan hampir keseluruhan tubuh badannya dan berlaku pendedahan kecantikan serta aurat wanita di hadapan lelaki yang bukan mahram.

Berdasarkan kepada Polisi Pendakwaan Kesalahan-kesalahan Am Bahagian Pendakwa Syarie’ berkaitan ayat pertama, perkataan yang ditujukan kepada “mana-mana orang” termasuklah mana-mana individu sama ada lelaki atau wanita, beragama Islam ataupun yang bukan beragama Islam. Manakala frasa “mendatangkan kemarahan kepada orang yang menyaksikan perbuatan mereka itu” menunjukkan tahap perbuatan seorang pelaku, jika sekiranya pelaku membuat suatu perbuatan yang bertentangan dengan syarak sehingga menyebabkan orang-orang disekelilingnya merasa marah disebabkan perbuatannya itu, maka perbuatannya itu termasuk di dalam huraiān istilah di atas. Mana-mana pelaku yang menepati maksud huraiān dan elemen-elemen yang dijelaskan akan dipersalahkan di bawah kesalahan yang diperuntukkan di bawah Bab 197⁷⁹, PKHJS, 2013.

Sementara itu dari segi hukuman, peruntukan ini telah memperuntukkan hukuman yang bersesuaian dan terdapat perbezaan hukuman di antara Bab 197 (1) dan 197(2) seperti di bawah;

⁷⁹ Bab 197, Kesalahan perbuatan tidak sopan, PKHJS, 2013.

- i. Hukuman ceraian 2 lebih berat dari ceraian 1, yang mana ceraian satu jika *sabit dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali* dan ceraian dua jika *sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.*

Jelaslah bahawa hukuman bagi seseorang individu yang melakukan kesalahan di bawah ceraian satu, hukumannya adalah lebih ringan berbanding dengan kesalahan seseorang yang menggalakkan dan mendorong satu pasangan untuk membuat kesalahan tersebut iaitu di bawah Bab 197(2).

Peruntukan Lelaki Berlagak Menyerupai Perempuan Atau Sebaliknya

Peruntukan bagi kesalahan lelaki berlagak menyerupai perempuan atau sebaliknya ini telah dikanunkan sepertimana di dalam PKHJS, 2013. Peruntukan ini termasuk Penggal IV di bawah kesalahan-kesalahan Am. Hukuman yang dikenakan bagi kesalahan jenayah lelaki berlagak seperti perempuan merupakan hukuman *ta'zir*. *Ta'zir* diwajibkan sama ada sebagai hak Allah atau hak manusia dalam setiap maksiat yang tiada pembalasan *had* dan *kafarah*, ia mempunyai tujuan yang sama seperti

pembalasan *had (hudud)*, iaitu memberikan pengajaran (*ta'dib*), mengadakan pemulihan (*islah*) dan mewujudkan ingatan yang menakutkan (*zajr*). Maksiat yang dimaksudkan oleh para fuqaha ialah tindakan melanggar apa-apa sahaja larangan syarak atau meninggalkan perintah yang telah diwajibkan oleh Allah *Subahanahu Wataala* untuk dilakukan⁸⁰.

Peruntukan di bawah ini terdapat dua ceraian di bawahnya. Bab 198 (1) telah memperuntukkan seperti berikut:

“198(1) mana-mana lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak menyerupai perempuan atau mana-mana perempuan yang memakai pakaian lelaki dan berlagak menyerupai lelaki di mana-mana tempat awam tanpa alasan yang munasabah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya sekali.”

Manakala Bab 198(2) telah diperuntukkan seperti berikut:

“198(2) mana-mana lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak menyerupai perempuan atau mana-mana perempuan yang

⁸⁰ Mat Saad, Abdul Rahman. (1993). *Undang-Undang Jenayah Islam: Jenayah Hudud*. Shah Alam: Hizbi.

memakai pakaian lelaki dan berlagak menyerupai lelaki di mana-mana tempat awam untuk tujuan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.”

Setelah meneliti ceraian di bawah Bab 198(1), dalam ayat pertama yang menyatakan “mana-mana lelaki” dan “mana-mana perempuan”, bahawa terdapat kedua-dua frasa ini di dalam setiap ceraian di atas. Oleh yang demikian, PKHJS, 2013 di bawah Bab 198 adalah bersifat umum iaitu termasuklah mana-mana lelaki yang berlagak menyerupai seperti perempuan dan mana-mana perempuan berlagak seperti lelaki, tidak mengira sama ada lelaki itu beragama Islam ataupun tidak dan begitu juga keadaannya bagi perempuan. Ini adalah salah satu elemen yang penting yang terdapat di dalam peruntukan ini. Perintah ini telah menekankan mana-mana individu tanpa menghiraukan agama yang dianuti.

Peruntukan yang telah dinyatakan memikul beberapa elemen-elemen sepertimana di bawah⁸¹;

- i. Hendaklah “memakai pakaian lelaki dan berlagak menyerupai perempuan” atau sebaliknya (memakai pakaian perempuan dan berlagak menyerupai lelaki)

⁸¹ Polisi Pendakwaan Kesalahan-Kesalahan Am.

- ii. Elemen seterusnya yang terdapat dalam kedua-dua ceraian di atas adalah “di mana-mana tempat awam”⁸².
- iii. Kesalahan itu hendaklah berlaku “tanpa alasan yang munasabah”. Perintah ini telah memberikan had yang tertentu apabila berlakunya kesalahan tersebut. Manakala ceraian kedua, menegaskan hendaklah ia berlaku “untuk tujuan yang tidak bermoral” juga telah memberikan had berlakunya kesalahan tersebut.

Menurut polisi pendakwaan kesalahan-kesalahan Am, Bahagian Pendakwa Syarie’, makna “tanpa alasan yang munasabah” tidak dihuraikan dalam peruntukan secara jelas. Tafsiran secara umum: ‘tanpa alasan yang munasabah’ ialah melakukan perbuatan itu tanpa tujuan tertentu di tempat awam. Manakala makna “untuk tujuan yang tidak bermoral” juga tidak dihuraikan secara jelas. Meskipun begitu, tafsiran secara umum bagi makna “untuk tujuan yang tidak bermoral” adalah melakukan tingkah laku yang tidak berakhlik, sangat buruk, bertentangan dengan ciri-ciri akhlak yang dianggap baik seperti apa-apa bentuk aktiviti pelacuran, seks bebas dan lain-lain.

Sementara itu, dari segi hukuman yang diperuntukkan adalah berbeza bagi setiap ceraian, yang mana kesalahan yang dilakukan di dalam peruntukan di bawah ceraian 198 (2), jika sekiranya perbuatan itu telah memenuhi elemen

⁸² Rujuk kepada Akta Tafsiran dan Klausu Am (Penggal 4) “*public places*”.

tidak bermoral maka hukumannya apabila telah sabit kesalahan lebih berat daripada kesalahan di bawah ceraian 198 (1) yang mana telah menghadkan kesalahan itu hendaklah mencukupi elemen “tanpa alasan yang munasabah”. Contoh kes di bawah Bab 198(1) yang melakukan kesalahan di bawah ini tanpa alasan yang munsabah. Kes *Pendakwa syarie' lwn Mohammad Rozaimi bin Awang Mohd*⁸³ yang didapati melakukan kesalahan memakai dan berlagak seperti perempuan di kawasan Pekan Muara, tertuduh mengenakan pakaian perempuan tanpa lengan berwarna merah dan memakai skirt pendek paras lutut berwarna kelabu, pesalah juga didapati memakai baju dalam wanita berwarna hitam. Tertuduh memberikan alasan ataupun tujuan ia berpakaian seperti wanita adalah disebabkan menghadiri majlis ulang tahun kawannya. Tertuduh disabitkan bersalah di bawah Bab 198(1), PKHJS 2013, iaitu melakukan kesalahan dengan alasan yang tidak munasabah. Tertuduh turut dikenakan denda sebanyak \$700 atau penjara 30 hari jika gagal membayar denda. Dari segi hukuman di dalam perundangan yang telah diperuntukkan yang terdapat di dalam Bab 198, telah menunjukkan bahawa hukuman bagi pelaku yang melakukan kesalahan dengan sebab ‘yang tidak munasabah’ adalah lebih ringan daripada pesalah yang melakukan kesalahan ‘yang tidak bermoral’.

Adapun contoh kes bagi kesalahan Bab 198(1) yang telah disabitkan di Mahkamah Syariah adalah kes *Pendakwa Syari'e lwn AP06645 Roslani bin Hj Metussin*⁸⁴.

⁸³ Bil. Kes Mahkamah Syariah: MRHS/KANUN/BM62/2016.

⁸⁴ Bil. Kes Mahkamah Syariah: MRHS/KANUN/BM01/2015 Brunei Muara .

Berdasarkan fakta kes, tertuduh didapati berada di kawasan Bangunan Bumiputra Bandar Seri Begawan, pegawai penguatkuasa yang menjalankan rondaan mendapati tertuduh berpakaian seperti perempuan dan berlagak menyerupai perempuan dalam keadaan sedang duduk di kawasan tangga bangunan tersebut. Pesalah adalah seorang yang beragama Islam dan pegawai penguatkuasa turut mendapati beberapa kegunaan wanita seperti minyak wangi dan alat solek di dalam beg tertuduh. Siasatan dijalankan oleh pegawai Bahagian Penguatkuasa Agama (BPA) dan pesalah mengakui kesalahan sepetimana pertuduhan 198(1). Pesalah turut mengaku salah dengan melakukan ikrar di hadapan mahkamah⁸⁵, pesalah juga telah dikenakan hukuman denda sebanyak \$1000 atau penjara 60 hari jika gagal untuk membayar denda.

Kes-kes di bawah kesalahan Bab 198 menampakkan tertuduh lelaki yang berpakaian seperti wanita adalah antara yang banyak melakukan kesalahan tersebut, ini kerana tertuduh lelaki yang berpakaian wanita adalah mudah untuk dikenal pasti dari segi pakaian dan perbuatan. Meskipun kesalahan di bawah Bab 198 ini, turut menekankan kesalahan sebaliknya iaitu kesalahan wanita yang berpakaian seperti wanita, belum ada kes yang sabit bagi golongan wanita yang berpakaian seperti lelaki. Ini menunjukkan meskipun golongan wanita berpakaian seperti lelaki, ianya masih dianggap normal dan tidak janggal pada

⁸⁵ Rujuk Bab 70(2), Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77) dan Bab 21(1) Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001.

pandangan orang ramai jika dibandingkan dengan lelaki berpakaian seperti wanita.

Peruntukan Undang-Undang Mengenai *Musahaqah*

Dalam konteks perundangan Brunei hukuman Bagi Jenayah Persetubuhan Sesama Perempuan menurut peruntukan dalam PKHJS, 2013, Bab: 92 (1) dan (2), berbunyi;

“92(1) Mana-mana perempuan Islam yang melakukan musahaqah adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun, disebat tidak melebihi 40 sebatan atau gabungan mana-mana dua hukuman tersebut.”

“92(2) Mana-mana perempuan bukan Islam yang melakukan musahaqah dengan perempuan Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$40,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 10 tahun, disebat tidak melebihi 40 sebatan atau gabungan mana-mana dua hukuman tersebut”

Adapun Bab 92 ceraian (3) telah menghuraikan maksud “musahaqah” yang berbunyi seperti berikut:

“92(3) Dalam Bab ini, “musahaqah” bermakna apa-apa kegiatan fizikal antara perempuan dengan perempuan yang akan terjumlah kepada perbuatan seksual jika ia dilakukan antara seorang lelaki dan seorang perempuan, selain kemasukan.”

Kesalahan *musahaqah* menurut Bab 92(3) dapat memikul elemen-elemen seperti berikut;

- i. Hendaklah perbuatan *musahaqah* itu secara umumnya berlaku antara perempuan dengan perempuan, merangkumi yang beragama Islam ataupun tidak, ia bersifat menyeluruh dan tiada pengecualian dinyatakan. Hatta walaupun pelaku *musahaqah* berlainan agama. Jika sekiranya seorang perempuan beragama Islam melakukan perbuatan *musahaqah* dengan seorang perempuan yang tidak beragama Islam, maka kedua-duanya akan dikenakan hukuman sepertimana dalam PKHJS, Bab 92(2). Manakala, Bab 92(1) khusus untuk pelaku perempuan dengan perempuan yang bersamaan agama iaitu agama Islam.
- ii. Perbuatan yang dianggap *musahaqah* itu adalah perbuatan berbentuk fizikal⁸⁶. Frasa yang telah disebutkan “*terjumlah kepada perbuatan seksual jika ia dilakukan antara seorang lelaki dan seorang perempuan*” iaitu hendaklah perbuatan itu

⁸⁶ Fizikal menurut Black’s Law Dictionary fizikal adalah apa-apa yang berkaitan dengan tubuh; “*relating or pertaining to the body...*”

mempunyai unsur-unsur yang membawa kepada perbuatan seksual sepertimana yang dilakukan oleh lelaki dan perempuan, akan tetapi tidak termasuk kemasukan⁸⁷, ini kerana tiada berlakunya kemasukan antara perempuan dengan perempuan⁸⁸

Dengan ini jelas bahawa penggeselan aurat di bahagian mana pun (sesama jenis) adalah dilarang dan diharamkan, maka unsur-unsur yang membawa kepada seksual di dalam peruntukan ini boleh dinilai dengan penggeselan yang berlaku sepertimana dalam penjelasan Imam al-Nawawi, kerana dengan penggeselan itu akan mendatangkan berahi iaitu membawa kepada perbuatan seksual⁸⁹.

Dalam konteks kes-kes berkenaan *musahaqah*, setakat ini tidak pernah dibicarakan di Mahkamah Syariah⁹⁰. Akan tetapi, terdapat beberapa kes yang melibatkan kesalahan

⁸⁷ Kemasukan bermaksud *ilaj*. Maksud “*ilaj*” di sini ialah memasukkan seluruh *hasyafah* (kepala zakar) atau kadarnya, walaupun dengan memakai *ha'il* (lapik), ke dalam qubul atau dubur sekira-kira dengannya, wajib mandi junub.

⁸⁸ Persetubuhan sesama jenis dalam perlakuan *sihq* tidak melibatkan sebarang *jima'*. Oleh itu, tiada hukuman hadd dikenakan akan tetapi dikenakan hukuman ta'zir, berlainan dengan *liwat* akan dikenakan hukuman hadd jika telah sabit kesalahan keatasnya.

⁸⁹ أبي داود، العلامة أبي طالب محمد شمس . (١٩٦٩م). عون المعبد شرح سنن أبي داود.

عبد الرحمن محمد عثمان (محقق). ط. ٣. ج. ١١. المدينة المنورة: محمد عبد المحسن. ص

.٥٨

⁹⁰ Maklumat didapati daripada hasil temubual bersama Pegawai Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Kartini binti Hj Abdullah, pada 8^{hb} Mei 2019 bertempat di bangunan Mahkamah Syariah Blok ‘c’ tingkat 1.

golongan *tomboi* dan *pengkid* yang mana tidak melepas tahap pendakwaan. Manakala, di negara jiran, Malaysia⁹¹ pada 8 September 2018, telah mengenakan hukuman sebatan ke atas dua pesalah wanita, masing-masing berusia 22 tahun dan 32 tahun dihukum bersalah oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, dengan hukuman yang dikenakan adalah enam kali sebatan. Hukuman itu adalah atas kesalahan percubaan untuk melakukan hubungan sesama jenis (*musahaqah*) dan dikenakan mengikut Seksyen 30⁹² dibaca bersama seksyen 59(1)⁹³ Enakmen Kesalahan

⁹¹ <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2616-bayan-linnas-148-polemik-sebatan-syariah-di-terengganu>

⁹² Menurut Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Ta'zir (Terengganu), 2001 memperuntukkan Seksyen 30 *Musahaqah* menjelaskan bahawa mana-mana orang perempuan yang melakukan musahaqah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

⁹³ Menurut Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Ta'zir (Terengganu), 2001 memperuntukkan Seksyen 59. Percubaan 59(1) mana-mana orang yang cuba melakukan sesuatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubung dengan Hukum Syarak atau menyebabkan kesalahan itu dilakukan, dan dalam percubaan itu melakukan apa-apa perbuatan ke arah pelakuan kesalahan itu hendaklah, jika tiada peruntukan nyata dibuat oleh Enakmen ini atau undang-undang bertulis lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi hukuman percubaan itu, dihukum dengan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

59(2) Apa-apa tempoh pemenjaraan yang dikenakan sebagai hukuman bagi suatu percubaan untuk melakukan suatu kesalahan atau untuk menyebabkan suatu kesalahan dilakukan tidak boleh melebihi satu

Jenayah Syariah (*Ta'zir*), Terengganu 2001. Mahkamah Syariah mengikut kuasanya yang ditetapkan oleh Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah 1965, ia memperuntukkan aspek hukuman terhadap apa-apa kesalahan jenayah syariah, boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak lebih RM5,000 atau sebatan tidak lebih enam kali atau apa-apa gabungan hukuman itu. Dalam kes dua pesalah wanita tersebut, mahkamah telah menerima permohonan Pendakwa Syarie untuk membenarkan kes kedua-dua didengar secara bersama kerana melibatkan kesalahan yang sama dan mereka ditangkap dalam kejadian yang sama secara berpasangan⁹⁴.

Setelah membincangkan huraiyan serta elemen bagi ketigatiga peruntukan di atas, dapat disimpulkan, bahawa tiada peruntukan yang khusus bagi kesalahan yang dilakukan oleh golongan *tomboi* dan *pengkid* di dalam PKHJS, 2013. Kajian ini juga mendapati bahawa perundangan Syariah menyediakan peruntukan undang-undang yang lebih luas berbanding perundangan sivil bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan perlakuan luar *tabie'*.

Oleh yang demikian, golongan ini kemungkinan besar boleh disabitkan di bawah mana-mana kesalahan yang telah dibincangkan, selagi mana perbuatan mereka itu memenuhi

perdua daripada tempoh maksimum pemenjaraan yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

⁹⁴ *Pendakwa Syar'ie lwn Orang Tuduh (OKT)* Kes Jenayah No. 11001-143-0014-2018. Lihat:

http://syariah.terengganu.gov.my/files/doc%20jkstr/jenayah_khalwat.pdf

elemen-elemen yang telah ditetapkan oleh Polisi Pendakwaan Syariah. Kesalahan yang dilakukan oleh *tomboi* dan *pengkid* dilihat lebih menjurus kepada peruntukan kesalahan *musahaqah*, akan tetapi kajian mendapati istilah kontemporari seperti *tomboi* dan *pengkid* dari segi maksudnya mempunyai sedikit perbezaan dengan maksud *sishaq*, tambahan lagi hasil daripada temubual bersama pendakwa di Bahagian Pendakwa Syarie⁹⁵ telah menyatakan, bahawa setakat ini belum ada polisi pendakwaan yang khusus bagi elemen peruntukan *musahaqah*⁹⁶, yang mana dengan ketiadaan polisi tersebut boleh mendatangkan kekeliruan kepada pengamal perundangan khususnya apabila mentafsirkan maksud sesuatu istilah di dalam peruntukan. Justeru, hal ini menambahkan lagi kesukaran dan cabaran bagi pihak pendakwa khususnya untuk menilai sejauh mana perbuatan yang dilakukan oleh *tomboi* dan *pengkid* menepati elemen yang dimahukan bagi peruntukan *musahaqah*.

Cadangan

Kajian ini mencadangkan pengemaskinian undang-undang yang sedia ada. Undang-undang jenayah Syariah di dalam PKHJS, 2013 telah menyediakan kesalahan seperti

⁹⁵ Maklumat didapati daripada hasil temu bual bersama pegawai daripada Bahagian Pendakwa Syarie, Hajah Noraini binti Haji Matassim, Timbalan Pendakwa Syarie pada 5hb September 2019, waktu: 11a.m–12p.m bertempat di Bahagian Pendakwa Syarie, Bangunan Madrasah, Bandar Seri Begawan.

⁹⁶ Lihat Bab 92, Kesalahan *Musahaqah*, PKHJS, 2013.

perhubungan sesama jenis, *liwat*, lelaki berpakaian seperti perempuan dan sebaliknya, perbuatan tidak sopan dan lain-lain. Keberkesanan penguatkuasaan peruntukan undang-undang jenayah Syariah perlulah melihat kepada pemasalahan yang dihadapi dari beberapa aspek seperti pentadbiran, pengawalan dan pendakwaan supaya pihak penguatkuasa undang-undang akan dapat berusaha mengatur langkah ke arah penyelesaian dan langkah-langkah penambahbaikan. Penulis berpendapat supaya pihak penguatkuasaan perlu ada latihan asas dan pengetahuan mendalam seperti polis merekrut dalam pengambilan pegawai-pegawaiannya, ini bertujuan seorang penguatkuasa dapat menanamkan sifat berdisiplin yang sewajarnya.

Selain itu, dari aspek undang-undang, pihak penguatkuasa perlu meneliti dan memastikan undang-undang sedia ada dapat dikuasai dan difahami dengan sebaiknya bagi mengelakkan dari berlakunya salah faham dalam menginterpretasikan maksud peruntukan. Penulis bersepakat dengan pandangan Hardiyatie, dalam penulisan kajian ilmiah beliau yang menegaskan bahawa keperluan memperuntukkan undang-undang dengan jelas dan lengkap adalah penting memandangkan tidak semua pengamal undang-undang yang terlibat dalam penguatkuasaan dan pendakwaan undang-undang Syariah terdiri daripada pegawai yang mempunyai latar belakang bidang Syariah dan bidang undang-undang⁹⁷. Dengan

⁹⁷ Hardiyatie binti Kahar. (2017). *Analisa Ikrar di Bawah Perintah Keteranagan Mahkamah Syariah, 2001: Ke arah Penguatkuasaan*

pengemaskinan undang-undang yang sedia ada, aspek kualiti dan kuantiti penguatkuasa agama dapat ditingkatkan dan menjadikan penguatkuasaan lebih berkesan. Natijahnya, jika kualiti dan kuantiti penguatkuasa agama tidak diutamakan, maka kes-kes yang dibawa ke mahkamah menjadi kurang berkualiti dari segi bahan bukti dan keadilan tidak dapat diperolehi kerana kekurangan latihan.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, sesungguhnya Allah melarang hambanya melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral dan telah menetapkan beberapa larangan dalam setiap perkara, mana-mana yang melanggarinya dianggap berdosa dan begitu juga dari segi perundangan, mana-mana yang melanggar kesalahan berbentuk Syariah akan dihukum menurut apa yang telah diperuntukkan di dalam perundangan Islam.

Dalam konteks perundangan pula, jika merujuk kepada PKHJS, 2013 tiada peruntukan undang-undang khusus yang memperuntukkan kesalahan yang dilakukan oleh golongan *tomboi* dan *pengkid*, melainkan kesalahan yang berkaitan dengan golongan ini. Sungguhpun demikian, perundangan Syariah telah menyediakan peruntukan undang-undang yang lebih luas berbanding perundangan sivil bagi kesalahan-

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013. Tesis Sarjana. Brunei: Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

kesalahan yang melibatkan perlakuan luar *tabie'*. Peruntukan undang-undang berkaitan dengan golongan ini dilihat boleh dikenakan terhadap golongan *tomboi* dan *pengkid* selagimana elemen-elemen dalam peruntukan tersebut dapat dibuktikan.

Elemen-elemen dalam peruntukan undang-undang adalah penting untuk dibuktikan dan kajian ini telah mendapati bahawa elemen-elemen yang telah dihuraikan dan dibincangkan tidak mudah untuk dibuktikan. Selain itu juga, kekeliruan akan berlaku dalam menginterpretasikan maksud peruntukan undang-undang apabila terdapat beberapa kekurangan seperti penggunaan istilah, frasa dan begitu juga perkataan yang sangat umum. Semua perkara ini, telah menyebabkan kes-kes yang berkaitan kesalahan *tomboi* dan *pengkid* belum dapat melepassi tahap pendakwaan. Justeru, kes tersebut dilihat tidak ada dibicarakan di Mahkamah Syariah.

Hakikatnya, kesan daripada era globalisasi menyebabkan wujudnya golongan *tomboi* dan *pengkid* termasuklah komuniti *LGBT*, menuntut setiap pihak yang berwajib dalam melaksanakan undang-undang Syariah untuk menangani cabaran tersebut secara proaktif. Atas dasar keadilan dan bagi tujuan keberkesanan penguatkuasaan peruntukan undang-undang jenayah Syariah, langkah-langkah pencegahan boleh diambil dalam bentuk usaha kerajaan, perundangan, sosial mahupun bagi mencegah golongan ini dari terus berleluasa. Selain itu, perlulah juga melihat kepada pemasalahan yang dihadapi dari beberapa aspek seperti pentadbiran, pengawalan dan pendakwaan supaya akan

dapat berusaha mengatur langkah ke arah penyelesaian dan langkah-langkah penambahbaikan.

Apa yang perlu ditegaskan disini, badan-badan penguatkuasa mengendalikan kes jenayah perlu membetulkan persepsi menjadikan kewajipan membawa bukti berkualiti dengan matlamat mensabitkan orang kena tuduh. Kelancaran penguatkuasaan oleh badan-badan penguatkuasaan dalam mengendalikan kes dapat dinilai mengikut kadar banyaknya kes yang telah sabit. Oleh itu, kejayaan badan-badan penguatkuasaan bergantung pada kadar banyaknya kes yang telah sabit di Mahkamah. Kesalahan yang dilakukan oleh *tomboi* dan *pengkid* berjaya ditangkap akan tetapi tidak berjaya dibuktikan kesalahan mereka, ini menunjukkan perlunya pihak penguatkuasaan perlu mengambil perhatian dari aspek prosedur dan pembuktian.

Selain itu, bagi menangani cabaran yang datang seperti menghadapi pandangan-pandangan atau tentangan dari golongan hak asasi manusia dan sebagainya, pihak penguatkuasa undang-undang perlu sentiasa berfikiran proaktif dalam menegakkan keadilan, perlu tegas membendung masalah seperti hubungan songsang dan luar *tabie'* dan sentiasa mengambil tindakan agresif dalam menjalankan undang-undang agar golongan ini tidak memperlekeh dan menghina perundangan Syariah.

Oleh itu, bagi tujuan pelaksanaan undang-undang tersebut lebih efektif, kewibawaan, kebijaksanaan serta komitmen

semua pengamal undang-undang adalah amat diperlukan dalam memastikan keadilan sentiasa terlaksana seperti mana yang diperintahkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dan Rasul-Nya sejajar dengan hasrat murni Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam⁹⁸.

Bibliografi:

- Al-Qur ān al-Karīm.* Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya, Pusat Da’wah Islamiah, cetakan pertama, 2014.
- Adibah Abdul Rahim, et.al. (2015). *Pengkid: Pengenalan, Punca dan Penyelesaian.* Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Audah. (1980). *Tasyri' al-Jina'i al-Islami*. Juz 1. Beirut: Dar al-katib al-Arabi.
- Black's Law Dictionary.* (4th ed.). (1979). west publishing al-Dusuqi. (t.t). *al-Sharh al-Kabir li al-Shaykh al-Dardir wa Hashiyah al-Dusuqi.* t.tp: Dar al-Fikr. Jil.4.
- Fakhr al-Din al-Zaila’i. (1313H). *Tabyin al Haqa’iq Sharh Kanz al-Daqa’iq wa Hashiah al-Shilbi.* Kaherah: al-Matba’ah al-Kubra al- ‘Amirah. Jil.3.
- Ibn Hajar Asqalani. (1986). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari.* Jilid 10. Kaherah: Dar al-Riyan.
- Ibn al-Qudamah. (t.t). *al-Mughni wa al-Sharh al-Kabir.* Beirut: Dar al-Kutub al- ‘Islamiyah. Jil.10.

⁹⁸ Siti Muslihat, Haji Salleh. (2013). *Laksanakan undang-undang berdasarkan Al-Qur'an dan Sunnah.* Pelita Brunei. Hlm. 4.

- al-Imrani al-Yamani. (2000). *al-Bayan fi mazhab al-Imam al-Syafie* (Vol. 12). (Qassim Muhammad an-Nuri, Ed.). Dar al-minhaj.
- Ibrahim. (1990). *al-Khatabah al-Mua'sarah*. Qaherah: Maktabah al-Iman al-Saharbini, Muhammad al-Khatib. (t.t). *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Fikr. Jil.4.
- Iskandar, Tengku. (2015). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus dewan. (2007). Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Wakaf Kuwait. (1990). *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*. Jil. 24. Mesir: Dar Safwah
- Paizah, Haji Ismail. (1991). *Undang-Undang Jenayah Islam*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Qurtubi, Abu al-Hasan Ali bin Khalaf bin Abdil Malik bin Baththal. (2003). *Syarhu Sahih al-Bukhari li Ibni al-Baththal*. Riyadh: Maktabah al- Rusyd. Jilid. 9
- Siti Muslihat, Haji Salleh. (2013). *Laksanakan Undang-Undang Berasaskan Al-Qur'an dan Sunnah*. Pelita Brunei.
- al-Syaukani. (1982). *Nail al-Autar Sharh al- Muntaqal al-akhbar*. cairo: Matb'ah Mustafa al-Halabi.
- Wahbah. (1989). *Kitab al-Islami Wa Adillatuhu*. Damascus: Dar al-fikr.
- Yahya, A. (2006). *Psikologi Sosial Alam Remaja* (cetakan kedua ed.). Bentong: PTS professional Publishing Sdn.Bhd.

Yusuf al-Qardhawi. (2012). *Ciri-Ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*. Mohammad Zaini Yahaya (Terj.). Penerbitan Seribu Dinar.

أبي داود، العالمة أبي طالب محمد شمس . (١٩٦٩م). عون المعمود

شرح سنن أبي داود. عبد الرحمن محمد عثمان (محقق). ج

١١. ط٣. المدينة المنورة: محمد

عبد المحسن محمد بن إسماعيل. *تفسير القرآن العظيم للإمام ابن كثير*.

(١٤٣١هـ). حكمت بشير ياسين(محقق). ج ٣. ط ١. الرياض:

دار ابن الجوزي.

العینی، العالمة بدر الدين أبي محمد محمدزاد. (١٤٢١هـ - ٢٠٠١م).

عمدة القاری شرح صحيح البخاری. ج ٢٢. ط ١. بيروت:

دار الكتب. ص ٦٥.

النwoي. (١٩٢٩). *المتحاج شرح صحيح مسلم النwoي*. ج ٤. ط ١.

المصرية: د.ن.

Rujukan Artikel dan Jurnal

Adibah Abdul Rahim; Mariam Adawiah Dzulkifli; Rohaiza Rokis. (2017). Persepsi Masyarakat Terhadap Pengid di Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences*, 6(1).

Berenbaum SA. (1999). *Effects of Early Androgens on Sex-Typed Activities and Interests in Adolescents with*

Congenital Adrenal Hyperplasia. Hormones and Behavior, 35(1): 102-10.
<http://dx.doi.org/10.1006/hbeh.1998.1503>

Nurjaya, I.Nyoman. (2005). Reorientasi Tujuan dan Peranan Undang-Undang dalam Masyarakat Multi Budaya: Perspektif Antropologi Undang-Undang. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*.

Nurul Syahira Mohamed. Fadlan Mohd Othman, Latifah Abd Majid. (2019). *Gejala Mak Nyah: Sorotan Awal Kajian Dari Sudut Perspektif Islam.* BITARA International Journal of Civilisation Studies and Human Sciences, 2(3).

Pengiran Anak Haji Amiruddin Alam Shah Pengiran Anak Haji Ismail, et al. *Ensiklopedia Negara Zikir.* Jilid I: Pengenalan. Gadong: UNISSA Press.

Yuenmei wong. (2012). Islam, Sexuality And The Marginal Positioning Of Pengkid and Their Girlfriends in Malaysia. *Journal of Lesbian Studies*, 16(4):435-48 DOI: [10.1080/10894160.2012.681267](https://doi.org/10.1080/10894160.2012.681267)

Zaleha, & Norasiah. (2016). *Tomboi dan Pengkid Dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah*, PKHJS 2013: Satu Tinjauan Awal. Brunei: Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Zhooriyati sehu Mohd, Intan Hashimah, Mohd Hashim. (2015). Hubungan Interpersonal Golongan 'Pengkid' di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*, jilid 18. Malaysia: Universiti Sains Malaysia.

Rujukan Tesis

- Hardiyatie binti Kahar. (2017). *Analisa Ikrar di Bawah Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001: Ke Arah Pengaruhkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013*. Tesis Sarjana. Brunei: Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).
- Nora Hendon Faeizah binti Rusdie Ali Faedidz. (2011). *Unfolding the Lesbianism Orientation Development Amongst Selected Pengkid Malays*. Tesis Ph.D. Malaysia: Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Siti Zaliha binti Abu Salim. (2006). *Sistem Kehakiman Islam*. Gadong: IPISOAS, UBD.

Rujukan Seminar

- Hajah Hayati binti Haji Mohd Salleh. (2014). *The Enforcement of The Syariah Penal Code Order, 2013 for phase one*. Special Lecture in Conjunction with The Declaration Ceremony of The Enforcement of The Syariah Penal Code Order, 2013, International Convention Centre, Berakas, 30.
- Mahmud saedon, A.Othman. (1995). *Ke Arah Mengemaskinikan Mahkamah Syariah di Brunei Darussalam*. Kertas Kerja Seminar Sistem Kehakiman Syariah. Negara Brunei Darussalam.
- “Negara Zikir: Azam, Keperluan dan Perlaksanaan”, Himpunan Kertas Kerja Seminar Negara Zikir, Majlis Ilmu 2008, Bandar Seri Begawan: Jabatan Perdana Menteri.

Rujukan Laporan Undang-Undang dan Statut

Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77).

Akta Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

Akta Tafsiran dan Klaus Am (Penggal 4).

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (PKHJS, 2013).

Polisi Pendakwaan Bahagian Pendakwa Syarie (Bahagian Pendakwa Syarie').

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Terengganu, 200.

Temubual:

Dk Norleilawati binti Pg Hj Md Salleh, Pegawai Ugama, Bahagian Penguatkuasa Agama.

Hajah Noraini binti Haji Matassim, Timbalan Pendakwa Syarie, Bahagian Pendakwa Syarie.

Kartini binti Hj Abdullah, Pegawai Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah.

Senarai Kes:

Pendakwa Syari'e lwn AP06645 Roslani bin Hj Metussin, bil. Kes Mahkamah Syariah: MRHS/KANUN/BM01/2015

Pendakwa Syar'ie v. Hafeezah Binti Haji Mahadi, bil. Kes Mahkamah Syariah: BM/MRS/JEN-G/J143A/105/110-2018

Pendakwa syarie' lwn Mohammad Rozaimi bin Awang Mohd, bil. Kes Mahkamah Syariah: MRHS/KANUN/BM62/2016

Pendakwa Syar'ie lwn Orang Kena Tuduh (OKT) Kes Jenayah No. 11001-143-0014-2018.

Rujukan laman sesawang:

<http://www.agc.gov.bn/AGC%20Images/downloads/speech/english.pdf>

<https://www.merriam-webster.com/dictionary/tomboy#h1>

<http://www.agc.gov.bn/AGC%20Images/LOB/pdf/Cap22.pdf>

[http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2616-](http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2616)

[bayan-linnas-148-polemik-sebatan-syariah-di-terengganu](http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/148-polemik-sebatan-syariah-di-terengganu)

[http://www2.ohchr.org/english/bodies/hrcouncil/docs/19ses
sion/A.HRC.19.41_English.pdf](http://www2.ohchr.org/english/bodies/hrcouncil/docs/19session/A.HRC.19.41_English.pdf)

http://syariah.terengganu.gov.my/files/doc%20jkstr/jenayah_khalwat.pdf